

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Okttober 2003

HMT 327 – Wacana dan Pragmatik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LIMA soalan dan sila jawab EMPAT soalan sahaja. Setiap soalan diberi nilai markah yang sama.

1. Berdasarkan Data 1 di bawah, berikan definisi dan bincangkan faktor-faktor yang berkaitan dengan konsep-konsep [a], [b] dan [c] yang berikut.

Data 1

'Apalah orang tua burok, kampong totok ini datang ke-Betawi. Hendak merendah-rendahkan martabat dan darjat-nya sahaja? Sedangkan di Solok ini ibu sudah terpandang orang kampong totok. Di sini engku Hanafi baharu orang kecil, tetapi di-Betawi di-kota besar itu, di dalam pergaulan orang-orang Belanda yang di-katakan-nya masok bahagian 'lapisan atasan', tuan Hanafi, yang akan menjadi orang Belanda, akan malu mempunyai ibu sa-rupa orang tua burok ini. Sedangkan di-negeri yang se-besar tapak tangan ini, dengan orang Belanda yang berempat lima sahaja, sudah achapkali ia memperlihatkan pada-ku malu beribu orang kampong. Apa boleh buat, Piah! Ibu pun insaf akan kehinaan dan kebodohan ibu. Baik-lah ibu tinggal di-kampong sahaja, agar jangan menjadi rintangan bagi kehidupan dan kemajuan anak. Jika engkau kasehan, janganlah engkau meninggalkan ibu, Piah!'

Sumber: Abdoel Moeis (1968: 166)

- [a] Deiksi.
- [b] Lakuan bahasa.
- [c] Implikatur pertuturan.

[100 markah]

2. Teliti Data 2 di bawah. Jawab soalan [a], [b] DAN [c].

Data 2

"E, Sahak. Betulkah kau ke Robinson tadi?"
"Betul."
"Mimpi apa ke sana?"
"Bukannya mimpi."
"Habis? Kenapa pula ke Robinson?"
"Aku tak kuasalah; orang tuaku asyik bising saja. Aku keluarlah."
"Oho, jadi kau fikir konon-kononnya kau boleh dapat kerja di sana, ya?"
"Beginilah yang kuharapkan."
"Habis dah dapat?"

Abdul Fakar ketawa; mula-mula merendah, tetapi kemudiannya meninggi.

"Kenapa tak dapat?"
"Dia hendakkan pas Orang Putih."
"Aku? Aku pas dua belas Melayu!"

Mereka semua ketawa. Budak-budak muda di situ pun ketawa juga.
"Tinggilah aku sikit," kata Abdul Fakar. "Aku pas tiga belas Melayu."
Mereka ketawa meninggi lagi.

Sumber: A. Samad Said. 1986: 62

- [a] Nyatakan maksim yang terdapat di dalam "Teori Implikatur Perbualan Grice".

[35 markah]

- [b] Sejauhmanakah berkesannya aplikasi teori tersebut di dalam Data 2 di atas?

[30 markah]

- [c] Jenis maksim yang manakah yang dapat diaplikasikan di dalam Data 2?
[35 markah]
3. Teliti Data 3, jawab soalan [a], [b] DAN [c] yang diberikan.

Data 3

“Di langit matahari terang benderang. Tidak ada secalit awan yang menyekat tembusan sinarnya. Sinar itu berbinau menyucuk belulang. Dalam gerak tarikan kebau jalan itu Suman kadang-kadang terpaksa mendongak ke langit membetulkan kilasan urat lehernya. Di sana matanya bersemuka dengan sinar terik matahari. Terkunang-kunang pandangannya. Dia memejamkan mata tapi air mata pedih mengalir dari juring sudut kedua belah mata itu. Dan air pedih itu meleleh turun mengikut saluran peluh yang membanjiri tubuhnya. Angin di sekitar mati. Tak ada benda bergoyang seketika selain ekor buluhnya yang senantiasa terbedal-bedal bergeseran.”

Sumber: Shahnon Ahmad: 1978: 44

- [a] Apakah ciri-ciri sebuah wacana yang baik, yang terdapat di dalam Data 3 di atas.
[35 markah]
- [b] Gunakan kaedah ‘Atas-Bawah’ bagi memperoses Data 3 di atas.
[35 markah]
- [c] Berikan pendapat anda tentang kaedah yang tersebut di dalam [b] di atas.
[30 markah]
4. Tulis nota pendek yang merangkumi definisi, huraian dan contoh yang bersesuaian untuk kesemua konsep yang berikut:
- [a] Wacana dan teks.
[20 markah]
- [b] Kohesi dan koheren.
[20 markah]

- [c] Anaforik dan kataforik. [20 markah]
- [d] Tema dan rima. [20 markah]
- [e] Ketepatan dan inferen. [20 markah]
5. Berdasarkan etnometodologi, huraikan secara ringkas semua faktor yang boleh didapati daripada Data 4 yang berikut ini.

Data 4

“Maaf, saya tak faham, boleh terangkan!” Jamjin mara ke arah Mosuding. Langkahnya langkah pendekar, penuh waspada.
“Jangan rapat, kepalamu akan kupenggal,” Kondiu menudung muka Jamjin.
“Kalian seperti datang untuk bermusuhan. Kalau itu maksud kalian balik saja. Jangan menceroboh kawasan saya,” Jamjin kelihatan tenang.
“Pulang dengan tangan kosong? Pantang, itu pantang bagi kami,” Kondiu mencebik.
“Saya tidak punya apa-apa untuk kalian, baik kalian pergi sebelum saya bertindak,” ugut Jamjin.
“Jangan gertak kami, kami bukan Maragang dan bukan juga Sangkurad,” Kondiu memegang hulu parangnya.
“Ada sesuatu yang kami tuntut. Itu hak kami, milik kami! Serahkan dengan aman, lepas itu kami pulang,” Mosuding menjeling. Sorotan matanya tajam memandang Jamjin.
“Yang itu kalian minta? Bagaimana kalau saya enggan memberinya?”
“Kami akan ambil juga,” Sikok melangkah ke depan.
“Kami akan rampas,” Kalipisau juga mara ke depan.
“Kalau begitu, kalian mahu melakukan kekerasan,” tanya Jamjin.
“Kalau sudah tidak ada jalan lain, kekerasan itulah pilihan kami,” jelas Mosuding.
“Saya tidak suka pada kekerasan,” mata Jamjin tenang.

Sumber: Amil Jaya: 1987: 91 - 92

[100 markah]